

## KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT UTHMAN EL MUHAMMADY.

PROFESOR MADYA DR. ADLI BIN YAACOB<sup>1</sup>

### **Abstrak**

*Kajian ini berkaitan dengan konsep sastera Islam yang digagaskan oleh Dr. Uthman el-Muhammady. Beliau terkenal sebagai seorang yang zuhud dan di gelar 'lebai kampung' dengan ketrampilan yang sederhana. Namun disebalik itu beliau adalah seorang intelektual yang hebat. Beliau menekankan bidang kerohanian dan menekankan ia mempunyai kaitan yang rapat dengan bidang keilmuan. Dalam konsep sastera Islam yang digagaskan, beliau telah melihat konsep ini pada sudut yang agak berbeza jika dibandingkan dengan para ilmuwan lain. Beliau sangat menekankan hubungan 'sastera Islam' dengan 'Tasawwuf'. Walaupun pada mulanya tidak menyebut istilah 'sastera Islam' tetapi beliau memaksudkan dengan 'sastera Islam'. Dalam bukunya 'Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan' beliau telah menggunakan tajuk 'Ke arah melahirkan tradisi persajakan Islam'. Setelah membincangkan bagaimana 'sifat' dan terbentuknya 'sastera Islam' dengan menekankan hubungan keperibadian sasterawan dengan Allah swt (tazkiah al-Nafs) beliau menyatakan bahawa sastera Islam mempunyai nilai yang; membawa kebenaran, ia lahir dari "taraf inspirasi suci", memelihara unsur-unsur yang sudah ada dalam tradisi keislaman, membawa mesej keikhlasan, menampilkan keindahan Tuhan (جمال الله), mempunyai unsur perlambangan yang lahir dari hati dan akal yang bersih, mesejnya universal, positif, membina ruh manusia, dan hubungan yang rapat dengan Tasawwuf. Konsep sastera islam yang digagaskan oleh el Muhammady sedikit sebanyak memberi pencerahan kepada kita tentang sumber pemikiran yang sebenar bertujangkan kepada kebenaran. Apabila kita benar benar memahaminya jelas perbezaannya dengan pemikiran sekuler, Islam Liberal dan sebagainya kerana konsep dan pegangan fahaman ini bukan secara mutlak kepada al Quran dan Sunnah.*

**Kata Kunci:** Kebudayaan, konsep sastera Islam, tradisi keislaman.

### **Abstract**

*This study is about the concept of Islamic Literature as proposed by Dr Uthman el Muhammady who is known for his humble character and piety. In spite of that, he was undoubtedly an outstanding intellectual. He stressed on the spiritual aspect and saw its relation to a realm of knowledge. In his proposed conceptualization of Islamic literature, he took on the subject in a different manner from other intellectuals. He always maintained the relation between Islamic literature and tasawwuf although that he did not explicitly use the term Islamic literature initially. In his book (Understanding Islam, Man, Knowledge and Culture) he did dedicate a topic entitled (towards producing Islamic poetry tradition). After discussing the attributes of Islamic literature from the standpoint of the relation between a literary figure and the Creator he concluded that Islamic*

---

<sup>1</sup> Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my

*Literature has the objectives to assert truthfulness that comes from a divine inspiration level, to preserve the existing values Islam, to convey sincerity, to assert the beauty of the Creator, having the symbols that emanate from purified mind and soul, its message is universal, positive, constructive spiritually thus having a very close tie with Tasawwuf. This concept, to a certain extent gives us an enlightened understanding of the real origin of thought that is deeply rooted in the truth. If we really understand it, the difference with the secular orientation and other contemporary thoughts such as Islamic liberalism will become clear; that these thoughts are in fact in contrast with the Quran and Sunnah.*

**Keywords:** Culture, Islamic Literature concept, Islamic tradition.

Pendahuluan:

### 1) Hakikat Sastera Islam

Meneliti konsep sastera Islam yang disentuh oleh Dr. Uthman el Muhammady<sup>2</sup>, membawa (seterusnya el Muhammady) kita satu konsep yang berbeza dengan pendekatan

---

<sup>2</sup> Beliau dilahirkan di Kampong Telok, Panji, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim pada 9 Februari 1943 dan meninggal dunia di Kuala Lumpur 25 Mac 2013 sewaktu berusia 70 tahun. Beliau dikebumikan di Tanah perkuburan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Sungai Pusu Gombak. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu, sebelum memasuki Special Malay Class pada tahun 1943 di Sekolah Sultan Ismail Kota Bharu, Kelantan, yang kemudiannya menjadi Maktab Sultan Ismail, atau Sultan Ismail College hingga ke Tingkatan 5. Beliau kemudian mengambil Higher School Certificate (HSC) di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar Kedah. Pada tahun 1963, beliau memasuki Universiti Malaya Kuala Lumpur dan mendapat B.A. dalam Pengajian Islam tahun 1966. Kemudian beliau dilantik menjadi tutor sambil meneruskan pengajian di peringkat seterusnya, sehingga mendapat M.A. tahun 1969. Beliau terus mengajar di Jabatan Pengajian Islam U.M hingga ke tahun 1973. Beliau kembali ke Kelantan untuk menumpukan masa sebagai seorang penulis dan pendakwah bebas. Beliau aktif menyampaikan ceramah agama yang menyentuh isu-isu penting, antaranya penyelewengan ARQAM, Syiah, bahaya fahaman Islam liberal, fahaman feminisme dan sebagainya. El Muhammady menekankan pentingnya fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dikukuhkan dalam kalangan penduduk Asia Tenggara, khususnya di Malaysia. Perannya amat besar dalam menyampaikan dakwah Islam di Malaysia, banyak buku-buku dan kertas kerja yang dihasilkan yang berkaitan dengan pemikiran Islam di zaman Moden, pencerahan yang dibawanya di sekitar mauduk 'modernist Islam' dan bezanya dengan Islam Liberal. Meskipun begitu el Muhammady mempertahankan pendekatan sufi dalam hidupnya dan amat dekat dengan pemikiran Imam al-Ghazali. El Muhammady telah berjaya mengemukakan kepada umat rantau ini pandangan yang benar tentang ciri-ciri kesusasteraan, kesenian, dan kebudayaan suci selari dengan Islam berpaksikan wahyu yang sah. El- Muhammady telah dilantik sebagai felo kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia sejak 1995 hingga 2008 sebelum dilantik semula pada 2010. Pada tahun 1995, beliau dikurniakan Ijazah Doktor Persuratan Kehormat (D. Litt.) oleh Universiti Sains Malaysia (USM) kerana usaha-usaha dan penulisannya dalam pemikiran Islam dan dakwah. Beliau merupakan Felo Akademik yang Amat Utama (ISTAC-International Institute of Islamic Thought and Civilisation) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga anggota lembaga pemegang Amanah Yayasan Karyawan, juga pensyarah sambilan peringkat 'Ijazah Sarjana' dalam bidang perbandingan Agama di Universiti Teknologi Mara (UITM). Beliau telah dikurniakan sebagai Tokoh Maal al-Hijrah yang ke 19 (1426 H). Bidang kajiannya; ilmu Islam dan falsafah Barat, pemikiran semasa dan pandangan Islam, Aqidah sunni, faham ilmu dan pandangan hidup umat Islam Nusantara. Antara karya-karyanya; Ilmu Islam dalam Dunia Moden, 1973, Jakarta: Pustaka Agus Salim. Pasca modenisme dan Islam: Satu Pandangan Awal, 2004, Monograf 3, Akademi Kajian Ketamadunan kompleks Dar al-Hikmah. Menterjemahkan Karya Malik Ben nabi. Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan sosial, 2009, Kuala-Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia. Menegakkan Ahli Sunnah wa al Jamaah Mengelak daripada Syiah 2012, Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan. Al Quran al Karim, **Terjemahan dan**

yang amat berbeza dari tokoh-tokoh lain. Beliau cuba melihat persoalan ini dari dasar dan bagaimana muncul tradisi sastera Islam ini. Menerusi bukunya<sup>3</sup> “Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan” yang dihasilkan sekitar tahun 70’an telah menyentuh persoalan “sastera Islam” secara langsung. Beliau mengupas tajuk ini dalam bab yang ke-8 dari sembilan bab yang cuba menonjolkan identiti sastera Islam yang masih samara sifatnya. Tambahan lagi, judul tajuk yang digunakan di dalam buku ini ialah “Ke arah Melahirkan Tradisi Persajakan Islam” yang menjadi matlamat beliau dalam me'oreantasi'kan satu konsep sastera Islam yang dapat diterima umum. Sekilas lalu, tidak wujud istilah “sastera Islam yang tertera di buku ini walaupun el Muhammady jelas ingin mengetengahkan konsep sastera Islam menurut perspektifnya. Istilah sastera Islam juga tidak disebut secara khusus dalam bukunya yang bertajuk “Peradaban dalam Islam”<sup>4</sup>. Istilah ini mula disebut di dalam kertas-kertas kerja yang beliau hasilkan akhir-akhir ini. Ini kerana sebelum ini, istilah ‘sastera Islam belum menjadi satu istilah yang jelas untuk diperbincangkan sehinggalah berlaku satu perdebatan di antara Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad di sekitar tahun 80’an yang mencetus pelbagai idea dan pendekatan baru tentang sastera Islam. Hakikatnya, mauduk sastera Islam telah dikupas dan diperbincangkan oleh beberapa tokoh lain sebelum mereka seperti el Muhammady sendiri. Bahkan kita boleh menyimpulkan bahawa el Muhammady merupakan antara tokoh awal yang membincangkan konsep ini di Malaysia, bahkan sesetengah idea dan pendapatnya mengenai “sastera Islam” turut dirujuk dan dipegang oleh beberapa tokoh lain termasuk Shahnnon Ahmad<sup>5</sup>.

El Muhammady mendefinisikan sastera Islam sebagai; “sastera yang memancarkan faham alam, faham ilmu dan faham nilai Islam yang dimanifestasikan dalam jalinan naratif, pembentukan peristiwa, perwatakan serta keindahan bahasa, prosa atau puisi dan kebenaran perlambangan oleh penulis yang mempunyai iltizam terhadap pegangan dan kehidupan Islam serta peradabannya. Ianya memancarkan aqidah Islam yang merangkumi hidup pengabdian (عبودية) akhlak atau moral, dan disiplin kehidupan Islam mengikut peraturan syariatnya serta tradisi dan keseniannya yang semuanya terjalin dalam pengisahan yang indah dan menarik. Nilai-nilai estetika Islam yang mempunyai paras setingginya berupa bayangan adalah sebahagian daripada tanggapan atau pengertian pengarang tentang jalinan keindahan Ilahi (al jamal), kehebatannya (al jalal) dan kesempurnanya (al kamal) pada paras manusiawi”<sup>6</sup>.

Menurut Mustafa Haji Daud di dalam bukunya, ‘Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam’, “el Muhammady mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai seni suci. Iaitu seni suci yang mengandungi isi yang mengagungkan Allah (SwT), suci daripada pengaruh keduniaan, kebendaan, nafsu dan sebagainya. Ia semata-mata dipenuhi dengan

---

**Huraian Maksud**, (terjemahan dan huraian tambahan atas tafsir Inggeris oleh Abdullah Yusuf Ali.) (Keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka 9DBP)(5 Jilid). Fathul al Mu 'in, Terjemahan dan Huraian Maksud, Terbitan Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu: Kelantan.

<sup>3</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan*, Pustaka Aman Press: Kota Bharu.

<sup>4</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1976, *Peradaban dalam Islam*, Pustaka Aman Press: Kota Bharu.

<sup>5</sup> Shahnnon Ahmad, 1991, *Nilai Imajinasi Menurut Islam, dalam Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, p419).

<sup>6</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 26-28 Sept 2000, *Konsep Sastera Islam dalam Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapannya*: Putrajaya, pp1-2.

keikhlasan, keimanan, ketakwaan dan peribadatan. Hal ini disebabkan al Quran sebagai sumber kesusasteraan itu merupakan kitab suci, kalam Allah (SwT) yang qadim, lagi azali dan wahyu bersifat suci dan benar secara mutlak tidak tercemar terpelihara dan sempurna di sepanjang zaman. Oleh itu, karya kesusasteraan menurut el Muhammady mestilah meniru al Quran daripada segi isi yang suci dan murni dan sentiasa mendampingi diri dengan Allah (SwT).”<sup>7</sup>

'Sastera Islam' adalah suara tradisi keislaman yang lahir dari impak peradaban Islam. Peradaban Islam ini telah membuahkan banyak perkara positif yang berkaitan agama antaranya; ajaran agama, nilai nilai agama, institusi institusi, hukum hakam dan segala aturannya juga seni dan sainsnya. Oleh kerana sastera atau seni yang lahir dari cabang agama yang bersifat “samawi”, maka sastera Islam adalah seni suci (sacred art) yang wujud ilhamnya dari sumber wahyu yang mutlaq dari segi kebenarannya. Ia amat berbeza dari seni duniawi (profane art) dalam setiap segi<sup>8</sup> yang tidak semua melahirkan cetusan hak atau kebenaran dalam setiap karyanya.

Sastera Islam ialah suara kebenaran (حقائق) dalam tamadun Islam yang timbul dari suara lahiriah (suara percakapan) dan suara batin manusia (suara dari tafakur atau pengalaman musyahadah). Kemudiannya ia dicatatkan sehingga menjadi idea dalam bentuk persuratan (tulisan). Ia dihasilkan oleh manusia yang berbakat dan berilmu hasil dari dua senyap iaitu sunyi “adam” (عدم) iaitu menghilangkan segala kewujudan dari segi zahirnya. Kedua; kesunyian fana, yang mana di dalam kesunyian ini segalanya hanya terarah kepada kasih dan sayang serta kebesaran Allah (SwT)<sup>9</sup>.

Maka kesusasteraan Islam menurut el Muhammady muncul dari dua kesenyapan ini. Ia lahir mengalun dalam peradaban Islam melalui peribadi peribadi yang disucikan hatinya. Ia akan mengalunkan suara kesusasteraan buat sementara waktu setakat yang diizinkan pencipta (khalik) untuk memainkan peranannya di dalam peradaban manusia, kemudiannya ia akan bertaut kembali di dalam pangkuan alam sunyi tempat asal datangnya. Suara sastera Islam ini mengajak manusia kepada hakikat sedia kala manusia, temanya mengikat hubungan dengan Allah (SwT) dengan penuh kecintaan dan kasih sayang juga kepada Rasulullah s.a.w. Mengikuti el Muhammady, suara sastera Islam ini termasuklah kata-kata yang dilantunkan dari mulut Rasulullah s.a.w serta doa-doa yang penuh pengertian yang mendalam serta hakikat keinsanan. Ia juga termasuk syair syair Hassan bin Thabit r.a, Ibn Arabi r.a, Jalaludin Rumi r.a, Ibn al-Farid r.a, termasuk juga hasil renungan dan pemikiran Imam al-Ghazali r.a, Ainul Qudhat al-Hamadani r.a, Ibn Sina r.a juga suara penyair dan pemikir moden seperti Iqbal r.a<sup>10</sup>. Suara sastera Islam ini juga turut menyenaraikan segala bentuk selawat kepada Rasulullah s.a.w dan doa doa yang diilhami dan dikarang oleh para wali dan salihin r.a umpamanya kitab Salawat kepada Rasulullah saw, *Dalail al Khairat* oleh Syeikh al-Jazuli r.a dan Qasidah al Burdah

---

<sup>7</sup> Mustafa Haji Daud, 1994, *Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur, pp8-9.

<sup>8</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *passim*, pp 202-203.

<sup>9</sup> Ibid, pp201-202.

<sup>10</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1984, *Sastera dan Agama: Satu Ulasan, dalam: Ismail Hussein, Sastera dan Agama*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, p102.

oleh Imam al-Busoiri r.a<sup>11</sup>. Suara inilah yang kedengaran dalam alam tradisional Islam sekian lama, dengan alunan kemerduannya di adun dengan mesej dan matlamat yang suci untuk mendidik hati manusia seiring dengan al Quran dan al-Sunnah. Meskipun tarafnya tidaklah sama dengan sumber wahyu namun tarikan “barakahnya” kepada manusia adalah sangat besar.

Nilai “keberkatan” dalam setiap kehidupan manusia sudah hampir dilupakan, bahkan ianya seakan-akan terhapus dari kamus hidup manusia. Fenomena ini berlaku lantaran manusia dikaburi dengan konsep Barat dalam menilai ilmu, bahkan penilaian mereka terhadap kebenaran juga turut dipengaruhi oleh anasir barat ini. Pemikiran Barat terlalu mendominasi kehidupan kita ini lantaran sikap masyarakat kita yang berkiblatkan barat dengan mencedok pelbagai anasir yang menjadi racun dalam adunan budaya dan agama kita hari ini. Apabila kita melihat kepada hakikat ilmu itu sendiri, ia adalah bersifat Islam dan datangnya dari Allah iaitu “al-‘Alim”. Namun ilmu akan bersifat sekuler sekiranya ia terpisah dari prinsip-prinsip metafizikal dan apabila ianya hanya boleh dibuktikan setelah dikaji dan bersandarkan kepada kemampuan akal untuk menilai<sup>12</sup>. Oleh itu, dengan menggunakan neraca Barat sahajalah yang akan menghapuskan hairaki atau kedudukan ilmu, dan apa yang lebih membimbangkan ialah kedudukan ilmu tidak diangkat sesuai dengan nilainya bahkan mungkin dipinggirkan atau terus tersirna. Tanggapan rohani yang bersifat “supra mental” tidak sesuai untuk dipraktikkan lagi. Oleh itu, tanggapan Barat ini akan meletakkan kedudukan ilmu itu berada pada tahap yang sama dan akan bersifat duniawi (profane). Dalam Islam, kebenaran tidak hanya boleh diukur melalui rangkaian aktiviti zahir sahaja tetapi lebih dari itu, kita perlu kepada menteliti tradisi agama yang telah dirasai oleh para ulama’ silam, yang melibatkan keadaan metafiziknya, konsep ilmunya dan kewujudannya itu sendiri<sup>13</sup>.

Hakikatnya, pemisahan nilai yang berbentuk metafizik dari nilai keilmuan Barat ada kaitan dengan fahaman meterialisasi. Ini disebabkan oleh fahaman ini amat berkait rapat dengan “mentaliti kemodenan” hari ini. Sebenarnya, kalimah “meterialisma” ini adalah satu istilah dalam pemikiran Barat yang diasaskan oleh “Berkelay” yang digunakan bagi menamakan apa-apa jua teori yang mengakui realiti atau kenyataan wujudnya sesuatu benda itu<sup>14</sup>. Akibat terpengaruh serta didominasi oleh fahaman ini, maka seluruh ilmu yang bersifat (profane) iaitu duniawi, yang muncul pada abad-abad yang akhir ini adalah terhad kepada alam yang zahir sahaja di dalam lingkungan kebendaan. Apa yang dianggap saintifik adalah perkara yang berhubung dengan benda semata-mata, seolah-olah dinafikan segala ilmu yang berhubung dengan apa yang wujud selain dari alam benda.

Oleh kerana sastera Islam merupakan sesuatu yang amat berkaitan dengan ilham yang ada kaitannya dengan unsur metafizik, maka ia kurang dihargai dalam konsep ilmu Barat. Pendek kata, sesuatu perkara yang berada dalam lingkungan kacamata Barat, maka sudah pasti ia satu penilaian yang dibuat tidak kena pada tempatnya. Ia mesti dikaji dan

---

<sup>11</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *passim*, p222.

<sup>12</sup> Ibid, p205.

<sup>13</sup> Ibid, p204.

<sup>14</sup> Ibid, p209.

dinilai mengikut garis panduan yang telah dilalui oleh “generasi terdahulu” mengikut tradisi Islam. Kesilapan dalam menilai warisan ini akan membawa kepada kegagalan dalam memahaminya apatah lagi menghargainya.

### Sifat sastera Islam

Sastera Islam ialah seni suci dengan syarat syaratnya yang tersendiri. Ia adalah manifestasi kerohanian manusia yang diberi pengalaman kerohanian. Kesusasteraan Islam ini adalah Seni Suci bukan hanya kerana tema-temanya tetapi ia lahir dari “taraf inspirasi suci” sebagai ilham dari Allah (SwT). Ia disebut sebagai “أسرار الخواطر” dalam fahaman tasawwuf. Pengalaman ini amat diperlukan oleh seluruh kehidupan dan ia diciptakan kerana Allah, para malaikat dan manusia seluruhnya<sup>15</sup>. Seni sastera Islam ini amat berkaitan dengan kebenaran yang dizahirkan melalui musyahadah kerohanian kepada seseorang. Sesungguhnya dalam akal manusia terdapat suatu unsur yang hidup dan ingin hidup dengan penuh kerehatan. Maka dalam seni sastera, unsur inilah yang memainkan peranan penting. Bahasa sastera adalah mendalam disebabkan simboliknya dan juga gaya bahasanya. Oleh kerana itu, penyerapan senang berlaku kerana unsurnya sudah wujud sejak tabii lagi. Dalam tradisi puisi Islam tulen, unsur intuisi yang wujud antara alam yang natural dan super-natural ini menimbulkan gelombang gelombang kerohanian dalam jiwa. Sebaliknya, dalam tradisi puisi duniawi (profane) unsur ini dirosakkan kerana bercanggah dengan fitrah akal manusia disebabkan oleh asas pengkaryannya adalah kepalsuan bukan kebenaran. Andainya secara zahir adalah benar, tetapi pada hakikatnya, ia adalah palsu. Oleh itu, ia membuahkan kesan yang negatif dalam kehidupan seseorang dan tamadun secara seluruhnya. Dalam psikologi rohaniah dalam Islam, perlu difahami sebenar-benarnya mengenai perbezaan antara inspirasi (ilham) murni di satu pihak dan inspirasi palsu (pseudo-inspiration) atau was was di pihak yang lain. Inspirasi merupakan sesuatu yang benar dan ia datang dari punca yang sah, sebaliknya was was adalah palsu, mengandungi ilusi dan datang dari punca yang tidak diakui. Untuk memahami kriterianya, maka perlu difahami dasar dasar metafizikal Islam dan psikologi rohaniahnya<sup>16</sup>. Dalam Islam, seni adalah bersifat al muqaddas (sacred), sebagaimana yang dimanifestasikan dalam persajakan yang membantu manusia untuk menemui paksi peribadinya sendiri yang secara fitrah iaitu mencintai kebenaran dan Tuhan<sup>17</sup>.

Oleh yang demikian, sastera Islam ialah satu seni yang tidak bercanggah dengan fitrah manusia serta tidak menjadi suatu kesalahan selagi mana dikawal oleh cara yang sebenar. Malah, melalui seni juga lah para pengkarya dapat menyampaikan penghasilan yang indah dan mampu menarik masyarakat mendekati Islam dengan lebih menyeluruh tanpa prejudis kerana pemahaman mereka mampu diresapi melalui jalan yang halus dan mampu menyentuh jiwa masyarakat. Kemunculannya adalah di puncak “inspirasi suci” yang bertindak memberi kerehatan kepada akal seterusnya meruntun jiwa manusia dalam

---

<sup>15</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1984, *passim*, p104.

<sup>16</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *passim*, pp 283-284.

<sup>17</sup> Ibid, pp 214-215.

mencari hakikat kehidupan serta hakikat ketuhanan. Seterusnya, mereka akan mengecapi al Haq (kebenaran) yang hakiki.

Kedua: Sastera Islam berperanan menjalankan fungsi untuk memelihara unsur unsur yang sudah ada dalam tradisi<sup>18</sup>, kemudian ia dijemakan dalam bentuk yang baru berdasarkan pengalaman rohaniah seseorang melalui ungkapan yang diucapkan. Meskipun begitu ia masih bersumberkan warisan tradisi dan tidak putus dari sumbernya walau dibatasi dengan perbezaan sosial dan ma'sa. Oleh yang demikian, sastera Islam ini, berfungsi sebagai sumber untuk menambahkan kecintaan (iman) kepada Tuhan bagi orang-orang yang beriman dan cuba untuk mendekatkan diri kepada Allah (SwT). Sebaliknya ia akan menjauhkan peribadi-peribadi jahat dari Tuhan kerana keiblisian batinnya. Justeru itu, sastera Islam hanya dapat ditanggap (dirasa) dan dihargai oleh peribadi-peribadi yang bersih jiwa nuraninya<sup>19</sup>.

Ketiga: Sastera Islam mempunyai mesej keikhlasan, seterusnya menampilkan keikhlasannya menerusi tema dan isi. Ia melafazkan keindahan jiwa yang serentak dengan keikhlasan. Nilai keikhlasan ini perlu ditekankan walaupun sudah jelas. Ini kerana mengikut el Muhammady taarif dan definisi "Sastera Islam" semakin lama semakin dikelirukan dan menjadi mangsa pemalsuan. Pemalsuan ini mungkin berlaku dengan usaha meletakkan ciri ciri satu seni pada yang lain, ataupun dengan memasukkan unsur unsur yang tidak sesuai dengan seni tersebut lantaran sikap manusia yang kononnya ingin mengikut aras kemodenan. Hakikatnya, nilai sastera Islam tidak terletak pada unsur moden atau lama sesuatu karya tersebut, tetapi terletak pada ciri ciri al Quran dan maknanya yang ditimbang dengan menggunakan prinsip-prinsip tertentu<sup>20</sup>.

Keempat: Sastera Islam membawa mesej keindahan Tuhan (جمال الله) meskipun keindahan Allah lebih besar dari tanggapan yang mampu diilhamkan oleh manusia. Namun begitu, ia sedikit sebanyak mampu menyerlahkan sifat keindahan Tuhan mengikut persepsi manusia<sup>21</sup>. Dalam seni kesusasteraan Islam, keindahan sebelum ia dipandang sebagai satu sifat yang ada pada mana-mana objek dalam hidup, ia adalah dianggap sebagai bayangan kepada keindahan Tuhan (jamalullah). Ia amat berkaitan dengan Sabda Nabi s.a.w: (إن الله جميل ويحب الجمال), maka keindahan sebagai bayangan keindahan ketuhanan adalah lebih besar kedudukan dan pengertiannya dari orang yang memandangnya atau objek tempat penzahirannya. Apa yang dilihat pada taraf wujudnya yang rendah adalah merupakan bayangan dari wujud pada taraf yang tinggi, sama ada sifat itu adalah keindahan, kerahmatan, kemurahan atau kemutlaqan. Walaupun tempat penzahiran sifat-sifat ini adalah fana dan sangat terbatas (iaitu dunia) tetapi ia tetap bayangan mutlaq keindahan dan keagungan Allah (SwT).

Di dalam menekankan soal "keindahan" el Muhammady menegaskan bahawa kebenaran perlu diletakkan di atas keindahan. Ini bermakna "metafizik" iaitu kebenaran (al Haq) yang mengatasi dan mengawal seni. Maka sebab itulah keindahan yang paling

---

<sup>18</sup> Ibid, p284.

<sup>19</sup> Ibid, p215.

<sup>20</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan*, Pustaka Aman Press: Kota Bharu, p216.

<sup>21</sup> Ibid.

tinggi akan membawa kepada kebenaran. Inilah sebenarnya titik perbezaan di antara asas pengkaryaan dalam Islam dan Barat. Dalam konsep Barat, seorang sasterawan diberi kebebasan yang mutlak untuk berkarya. Kesannya, lahirnya karya-karya yang menyimpang, kabur, dan tidak bermakna. Sebaliknya dalam Islam, seseorang itu bebas berkarya tetapi kebenaran (al Haq) yang mengawal proses pengkaryaan. Ini antara lainnya membuktikan bahawa kebudayaan Islam adalah kebudayaan yang aqliah atau intelektual dalam erti kata sebenar kerana ia diasaskan di atas prinsip “al Haq”. Ia tidak seperti sastra dalam pengertian Barat yang mementingkan keindahan semata mata tanpa mempedulikan prinsip kebenarannya. Dalam seni kesusasteraan Islam, keindahan bukan hanya dapat dirasakan, bahkan bagi mereka yang mencukupi syarat syaratnya, kebenaran itu boleh disaksikan dan dilihat dalam pengalaman batin yang murni dan tinggi. Atas alasan inilah keindahan yang membawa kepalsuan tidak timbul dalam peradaban Islam dan tidak diakui sebagai mewakili iklim kebudayaan Islam. Iklim ini ternyata bukan sahaja dalam seni sastra tetapi meliputi seni bina, seni khat dan sebagainya<sup>22</sup>.

Kelima: Sastra Islam mempunyai unsur perlambangan (retorik) tetapi ia bukan “mental construction” yang dibuat sebagai ibarat atau (allegory) seperti mana sastra profane (duniawi). Ia lahir dari pengalaman rohaniah yang bukan direka-reka tetapi merupakan anugerah Allah kepada seseorang atas kesungguhan seseorang individu dalam mencari hakikat hidup. Simbolisme (pengibaratan) yang dimaksudkan dalam sastra Islam ialah yang lahir dari pancaran intuisi (hati), kemudiannya perlambangan ini dimanfaatkan (difahami) oleh generasi yang datang kemudiannya. Ia bukan “perlambangan kabur” yang kadang kadang tidak difahami oleh orang yang menghasilkannya sendiri. Dalam tradisi Islam, simbolisme ditentukan dari pancaran cahaya intuisi yang murni, dan simbol simbol itu pula mempengaruhi manusia lain yang menyedarinya supaya mencapai pengalaman yang ditujukan itu. Manusia memainkan peranan dalam menentukan simbol simbol itu sendirinya terutama bila mereka hidup dengan menyedari apa yang dimaksudkan oleh simbol simbol itu. Selain daripada itu, perlu dinyatakan disini bahawa simbolik makna yang disandarkan dengan alam sekeliling itu perlu diperbaharui umpamanya simbol simbol seperti matahari, langit, bulan, bintang, air, gunung ganang, cahaya dan lainnya. Simbol simbol itu selain daripada ia dihidupkan dalam kesedaran umat, ia juga memasuki pengalaman mereka yang berwibawa dalam erti kata yang sebenarnya. Dengan ini maka kita dapati banyak simbol simbol penting dalam Islam yang merupakan perbendaharaan aqliah dan rohaniah yang universal dalam tamadun Islam sendiri<sup>23</sup>. Seterusnya, tentang simbolisme dalam al Quran beliau mendatangkan contoh dari awal Surah al-Takwir, ayat 1-7 dan 14.

---

<sup>22</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1984, *passim*, pp107-108.

<sup>23</sup> Ibid, pp108-109.



قال تعالى:

إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ {1} وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ {2} وَإِذَا الْجِبَالُ سُيِّرَتْ {3} وَإِذَا الْعِشَارُ عُطِّلَتْ {4} وَإِذَا الْوُحُوشُ حُشِرَتْ {5} وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ {6} وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ {7} عِلِمَتْ نَفْسٌ مَّا أَحْضَرَتْ {14} {25}

Menurutnya, matahari, bintang bintang, gunung ganang, unta bunting, binatang liar dan lautan adalah merupakan tanda-tanda penting yang ciri cirinya wujud bukan sahaja ketika berakhirnya alam ini dalam kiamat besar tetapi dalam kiamat kecil iaitu bila meninggalnya seorang manusia. Selain daripada itu, peristiwa ini juga berlaku bila sesuatu ruh itu sedang menjalani “pembukaan ta’bir” dari Tuhan yang akan membawanya kepada pengalaman mengenal Tuhan dan hakikat alam ghaib. Dengan ini jelas bagaimana ayat ayat al Quran berlapis lapis maknanya bila difahami mengikut dasar al ta’wil dalam pengertian yang tepat, umpamanya sebagaimana yang diterangkan dalam Lataif al Isyarat (لطائف الإشارة) oleh al-Qusyairi r.a<sup>26</sup>.

Keenam: Sastera Islam membawa mesej universal, yang mengambil contoh al Quran yang relevan untuk manusia dahulu, sekarang dan akan datang. Perkhabaran tentang peristiwa dan peribadi-peribadi tertentu tidak menyampaikan sesuatu puisi sastera Islam itu kepada berita akhbar atau dokumentasi semasa. Puisi Islam yang disifatkan puisi pada taraf tinggi oleh el Muhammady menghuraikan makna yang sebenarnya dari perjuangan-perjuangan kerohanian, aqliah dan kebudayaan manusia, walaupun ia terpaksa dikisahkan dalam penceritaan peribadi manusia. Dalam hal ini, al Quran mendatangkan tamsilan walaupun ia menyebutkan Firaun atau Nabi Musa a.s, penyebutan tentang kisah Ashab al-Kahfi, Namruz dan seumpamanya. Penyampaiannya adalah bertujuan universal maka sifat sastera Islam ini tidak menjurus kepada “subjectivism” yang mana ia akan merendahkan taraf sebutan sesuatu itu kepada sesuatu yang tidak mempunyai makna yang objektif. El Muhammady menegaskan lagi, bila mana subjectivism baik dalam bidang falsafah atau seni sebagai seni puisi mengobjektifkan dirinya, maka ia menghancurkan dirinya sendiri<sup>27</sup>.

Al Quran menjadi cermin kepada sastera Islam yang bersifat universal ini kerana al Quran menampilkan beberapa mesej untuk manusia antaranya pertama; ia mengajar manusia tentang struktur dari realiti atau hakikat, serta diberikannya ilmu tentang memahami realiti atau hakikat ini. Pemahaman ini diterangkan mengikut kedudukan insan dengan tepat. Kedua; telah dinyatakan dalam al Quran tentang moral dan juga hukum yang menjadi dasar kepada syariah Islamiah. Ketiga; al Quran telah menyatakan tentang metafizik, kosmologi dan eschatology atau (معاد) yang menerangkan tentang hujung hayat ini. Keempat; turut dinyatakan dalam al Quran tentang sejarah dan kehidupan manusia dan maknanya serta tujuannya. Kelima; al Quran mengandungi mesej yang sekali imbas berupa isi sebuah kitab sejarah dengan menyatakan tentang kerajaan

<sup>24</sup> Surah at-Takwir: 7-1

<sup>25</sup> Surah at-Takwir: 14

<sup>26</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1984, *passim*, p110.

<sup>27</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *passim*, p218.

kerajaan, raja raja, qabilah qabilah, nabi nabi dan para rasul (عليهم الصلاة والسلام), zaman demi zaman, kisah tentang naik turun dan penderitaan serta kejayaan-kejayaan. Walaupun ia berbentuk historikal, mesejnya ditujukan kepada diri manusia yang batin. Apa yang berlaku pada zaman lampau itu adalah digunakan bagi memahami atau memberi pengajaran berhubungan dengan apa yang dihadapi oleh ruh manusia di dunia sekarang ini<sup>28</sup>. Inilah sebenarnya yang perlu dicontohi oleh sastera Islam tentang “alamiahnya” al Quran.

Ketujuh: Sastera Islam ialah sastera yang memancarkan cahaya positif dalam minda pembacanya. Ia boleh membentuk kekuatan jiwa, meningkatkan kesedaran diri dan menjana semangat juang dalam menghadapi cabaran kehidupan. Oleh yang demikian, cabaran-cabaran kehidupan dalam membina peradaban yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w bersama sifat kepahlawanannya, merupakan satu daripada tema-tema penting dalam sastera Islam. Oleh itu, puisi atau seni sastera yang membawa kepada yang sebaliknya adalah tidak dianggap mewakili tradisi kesusasteraan Islam yang sebenar<sup>29</sup>.

Kelapan: Sastera Islam menjurus kepada pembinaan ruh manusia sepertimana al Quran. El Muhammady menjelaskan bahawa al Quran tidak menolak syair tetapi menolak penyair yang tidak berakhlak. Syair yang datang dari penyair yang berakhlak dan beriman dialu-alukan oleh Rasulullah s.a.w. Al Quran mempunyai nilai yang boleh membina ruh dan dalaman manusia. Beliau menyatakan bahawa puisi boleh menenggelamkan jiwa manusia dalam keindahan dan kekayaan. Manakala al Quran pula dengan tarikan ayat ayatnya menjadikan untuk manusia menghayatinya serta turut mengalami kekayaan jiwa, keindahan rasa tetapi akhirnya mengakui kefakirannya di hadapan Allah (SwT) dan kebesarannya. Al Quran mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan Muslim, umpamanya dalam “Awliyyaa” dan selawat yang direka adalah manifestasi makna al Quran dalam diri pengkaryanya, yang akhirnya karya ini mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam masyarakat Islam. Bahkan selawat selawat terhadap Nabi Muhammad s.a.w yang dikarang oleh para ulama’ telah diberikan kefahaman dan hakikat tentang kesempurnaan keinsanan Nabi Muhammad s.a.w yang mulia. Kemudian melalui selawat selawat yang dikarang telah dapat menzahirkan tanda tanda kesempurnaan dan kebesaran Allah (SwT) di alam semesta<sup>30</sup>.

Kesembilan: Sastera Islam mempunyai hubungan yang amat rapat dengan “Tasawwuf”. Sebagai bukti terhadap hubungan ini ialah sewaktu kedatangan Islam, ajaran Islam telah mempengaruhi pemikiran penyair Jahiliyyah yang dahulunya amat terpengaruh dengan Jahiliyyah baik dari segi ciri ciri, tema dan cita cita Jahiliyyah. Segalanya diubah kepada Islam. Proses perubahan ini adalah pengaruh Tasawwuf yang telah merubah batin manusia yang bersifat Jahiliyyah. Proses Islamisasi yang ditunjangi oleh Tasawwuf yang dahulunya Jahiliyyah akhirnya telah digilap dan seterusnya puisi puisi yang dihasilkan memiliki ruh yang boleh membawa seseorang hampir kepada Allah. Pengisian ruh ini adalah peranan yang dimainkan oleh Tasawwuf. Justeru itu, Tasawwuf yang berperanan menjalankan proses Islamisasi ini mampu mengilap dan memberi ruh puisi puisi dalam tamadun Islam meliputi semua bangsa. Puisi puisi ini

---

<sup>28</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1984, *passim*, p110.

<sup>29</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *passim*, p220.

<sup>30</sup> Ibid, p222.

akhirnya dicanai dan diberi ruh keislaman yang akhirnya menjadi aset penting dalam tamadun Islam. Seperti mana yang difahami sebelum ini, sastera lahir dari “suara senyap” yang wujud dalam diri manusia. Maka apabila ia diberi ruh keislaman, ia menjadi anak kunci kepada hakikat kehidupan, hakikat dirinya dan hakikat Tuhannya. Ini kerana, ia dicituskan oleh fikiran yang senyap yang hanya tertumpu kepada Allah Yang Maha Esa.

Apabila manusia hidup dalam “keadaan senyap” berfikir, maka dia akan mendapat hidup yang melintasi alam zahir yang akhirnya dia akan merasai hidup yang murni. Kemudiannya, melalui Tasawwuf dan puisi yang diilhami dari Tasawwuf manusia akan merasa bebas, dan apabila berlaku perubahan kepada batinnya, maka kehidupannya akan terarah kepada kesucian dan membawa kepada kebahagiaan. Kemuncak kepada natijah senyap (عدم) ini, dia akan mendengar nyanyian alam semesta dari puisi alam semesta yang tabii. Seterusnya, dia akan mendengar suara indah dari alam abadi. Kebisingan alam zahir dan hingar bingar dunia sudah tidak bererti baginya lagi.

El Muhammady menegaskan bahawa Tasawwuf tidak boleh dipisahkan dari tradisi sastera Islam. Beliau membahagikan peringkat perjalanan kerohanian manusia kepada tiga peringkat yang besar. Pertama; peringkat qabd (قبض). Dalam peringkat ini aspek tertentu dari jiwa manusia hendaklah dihapus atau mati. Pada peringkat manusia berusaha untuk melatih zuhd, taqwa serta mentaati Allah dan tunduk kepada kebesaran dan keadilannya. Kedua; peringkat al-Bast (البسط) yang mana manusia merasa perkembangan dan ia merasai kepuasan dan kebahagiaan. Dalam pengalaman di peringkat ini seolah olah diri seseorang itu merangkumi alam ini dalam dirinya seperti mana kata penyair Saadi: “Saya bergembira dalam dunia kerana dunia adalah bergembira di dalamnya”. Peringkat ini adalah peringkat manifestasi keindahan (jamal) dan rahmat Tuhan<sup>31</sup>. Peringkat ketiga; dinamakan al-Samaa’ (السماع). Peringkat ini berkaitan dengan seni bunyi. Ia hanya melibatkan perjalanan kerohanian di peringkat ketiga. Mengikut el Muhammady, pada peringkat ini puisi Islam disertakan dengan bunyi bunyian “muzik” yang mana peringkat ini dinamakan “sampai kepada al Haq” (وصال بالحق) yang mana pencapaian rohaninya sampai kepada fana’ dan baqa’<sup>32</sup>. Pada peringkat ini manusia telah melintasi keadaan dan peringkat dan hanya tenggelam dalam kasih dan cinta kepada Allah (SwT)<sup>33</sup>.

Beliau menegaskan bahawa puisi yang dilahirkan dari peringkat tertinggi dalam perjalanan kerohanian seperti peringkat al Bast dan al Samaa’ perlu dipelihara dengan cara pemupukan dan pengajian. Ia perlu menjadi bukti dan warisan penting dalam tradisi kerohanian Islam. Ia amat perlu agar generasi pengkaji hari ini boleh membuat ukuran tentang tahap intuisi dan imatasi yang berasaskan kerohanian dalam Islam yang telah dialami oleh generasi silam. Hasil kesusasteraan yang dihasilkan oleh warisan kerohanian ini boleh menjadi ukuran andainya sasterawan atau pengkaji hari ini ingin melahirkan pembaharuan dalam proses pengkaryaan. Mereka tidak perlu merujuk kepada imatasi yang tidak bermakna yang dihasilkan mengikut tradisi Barat yang kosong dari segi metafizikal (kerohanian). Beliau menegaskan andainya terdapat mereka yang ingin

---

<sup>31</sup> Ibid, p226.


<sup>32</sup> Abdul al-Mun'im al Hiffni, 1980, *Muajam al-Mustalahat al-Sufiah (B.Arab)*, Dar al\_Masiirah: Beirut, pp 123, 207, 213.

<sup>33</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 1977, *passim*, p226.

melahirkan pembaharuan dalam sastera Islam, maka dia perlu berjaya menghubungkan dirinya dengan alam ghaib (kerohanian), seterusnya memahami prinsip-prinsip puisi tradisional Islam serta tidak ada pengalaman rohani. Maka, apa yang dihasilkan hanya di peringkat alam komunikasi duniawi dan bukannya berbentuk “transcendent” atau berhubung dengan alam ghaib. Apa yang dihasilkan hanya di sekitar alam material dan bukannya dapat menanggapi apa yang wujud di alam spiritual yang lebih luas<sup>34</sup>.

El Muhammady menegaskan bahawa, peribadi yang suci ini adalah umpama “alat dalam tangan Tuhan” iaitu apa yang dihasilkan adalah apa yang difahami dan didengari dari alam ghaib. Andainya alam ini adalah suara dan huruf, maka dia dapat membaca dan mendengar suara dan maksud alam seperti mana orang awam mendengar dan memahami suara dan huruf di alam zahir. Dalam erti kata lain Allah (SwT) ingin membuka tentang rahsia rahsianya melalui peribadi yang suci ini<sup>35</sup>. Dalam konteks ini, maka boleh disimpulkan bahawa penyair penyair Islam ini mencari rahsia yang terkandung dalam perjanjian di antara insan dan Tuhan. Kemudiannya, kefahaman yang terhasil dari natijah pencariannya itu diolah dalam bentuk tulisan berdasarkan kefahamannya dan bakatnya yang istimewa untuk dimanfaatkan oleh khalayak umum. Beliau mengumpamakan karya sastera Islam yang dihasilkan oleh penyair penyair Islam yang tulen adalah seperti “satu tempat berteduh di tengah hujan ribut duniawi yang maha hebat, atau ia seumpama satu oasis yang subur menghijau di tengah padang pasir yang tandus”<sup>36</sup>. Ini kerana, terlalu sukar untuk mencari nilai-nilai rohaniah dan aqliah yang sejati di dalam dunia hari ini. Ini kerana, segala-galanya diukur dengan kemegahan duniawi. Oleh yang demikian, Islam yang dicetuskan oleh penyair penyair Islam yang melalui pengalaman alam kerohanian yang tinggi perlu menjadi warisan penting yang boleh dimanfaatkan oleh generasi hari ini, seterusnya ia boleh dijadikan ukuran dengan karya karya yang dihasilkan oleh generasi hari ini.


#### KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT MUHAMMAD 'UTHMAN EL MUHAMMADY



<sup>34</sup> Ibid, p227.

<sup>35</sup> Ibid, p228.

<sup>36</sup> Ibid, p229.



Kesimpulan:

Apabila kita meneliti secara mendalam konsep yang ditampilkan oleh el Muhammady, kita akan dapati sedikit kelainan dengan konsep konsep yang digagaskan ilmuwan lain. Perbezaan ini bertitik tolak daripada pendekatan yang diambil yang menekankan bahawa sastera Islam ini ialah suara hati dari sasterawan yang bukan sahaja beriman tetapi “committed” dalam keimanannya bahkan bersih jiwa dan hatinya sehingga boleh berhubung dengan alam ghaib.

Beliau amat menekankan soal “Tasawwuf” dan peranannya dalam penghasilan karya sastera. Baginya “Tasawwuf” lah yang merubah batin manusia sehingga menukar jiwa yang buas kebinatangan kepada jiwa yang tunduk dan pasrah pada Tuhan, sehingga ia mampu mendidik jiwa Jahiliyyah yang mendominasi pemikiran sasterawan Musyrikin kepada jiwa keislaman yang penuh dengan tanggungjawab sebagai seorang hamba kepada Tuhannya. Natiujahnya terhasillah syair-syair yang penuh keislaman meskipun sebelum ini mereka kotor dengan aqidah dan pemikiran syirik.

Apa yang amat ditekankan oleh el Muhammady ialah tentang “warisan tradisi” serta bagaimana sastera Islam dilahirkan. Warisan sastera Islam yang telah dihasilkan oleh sasterawan Islam silam mesti dipupuk dan dijagai seterusnya dipelajari dan dihayati oleh generasi hari ini. Ini kerana, ia dicetuskan berdasarkan “inspirasi suci”, lantaran kesucian akal dan jiwa mereka. Hasil karya yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada pengalaman rohani mereka yang berinteraksi dengan alam ghaib. Walaupun sastera Islam ini bukan pada taraf al Quran dan al Sunnah tetapi ia membawa “keberkatan” yang tinggi,

walaupun nilai keberkatan sudah mula terhakis dari kamus hidup hari ini lantaran terpengaruh dengan konsep ilmu Barat.

Apa yang menarik dalam konsep yang ditampilkan oleh el Muhammady ialah soal keindahan atau “estetika”. Pandangan yang dibawa oleh el Muhammady jarang disentuh oleh tokoh tokoh lain. Sebenarnya pandangan yang diberikannya bahawa dalam Islam, yang mengawal seni ialah “metafizik” atau kebenaran yang berbentuk spiritual dalam diri manusia, bukannya seperti di Barat manusia bebas berkarya tanpa batasan yang mengawalinya atau dalam erti kata yang mudah seni yang mengawal kebenaran. Oleh kerana dalam tradisi Islam “metafizik yang mengawal seni” maka tidak timbul kecelaruan atau hasil karya yang menyanggahi kebenaran. Dengan itu, kebudayaan Islam ialah kebudayaan yang aqliah kerana ia dicituskan oleh kebenaran yang hakiki. Bahkan mengikut el Muhammady, kepada orang yang mempunyai (basirah) pandangan batin yang tinggi ia boleh disaksikan. Oleh itu, tidak timbul dalam Islam keindahan yang palsu.

Secara ringkasnya, konsep sastera Islam yang ditampilkan oleh el Muhammady mesti lahir dari sasterawan yang bersandarkan kepada al Quran dan al Sunnah, yang mana melalui penghayatannya terhadap al Quran dan al Sunnah ini akhirnya mencetuskan pengalaman rohaniah kepadanya. Melalui pengalaman rohaniah ini dia dapat berhubungan dengan alam ghaib dan di sinilah dia mencetuskan “inspirasi suci” berdasarkan bakatnya. Sasterawan Islam juga perlu memahami tradisi sastera Islam yang telah dilahirkan oleh sasterawan sasterawan Islam silam. Ini penting supaya mereka boleh mengukur dengan karya yang mereka hasilkan serta mengetahui selok belok karya karya dari warisan tradisi silam.

Seterusnya beliau meletakkan beberapa garis panduan serta sifat sifat yang perlu ada pada sastera Islam. Antara lain ialah ia membawa mesej kebenaran yang mutlaq kerana ia lahir dari taraf inspirasi suci, memelihara unsur-unsur yang sudah ada dalam tradisi keislaman kerana hasil karya dalam warisan tradisi keislaman menjadi “ukuran” kepada hasil yang dilahirkan hari ini, membawa mesej keikhlasan kerana ia dilahirkan kerana Allah dan Islam bukan kerana sebab-sebab lain. Menampilkan keindahan Tuhan kerana melalui sastera Islam terserlah keindahan Tuhan pada tahap manusiawi. Mempunyai unsur perlambangan yang lahir dari hati dan akal yang bersih dan ianya bukan memiliki unsur perlambangan yang dibuat buat seperti mana dalam warisan sastera Barat. Mesejnya universal dan tidak bersifat setempat atau reaksi kepada soal-soal yang kecil. Menanamkan unsur yang positif dan semangat dalam diri pembacanya dan tidak menumbuhkan sifat sifat yang negatif dalam minda pembacanya. Membina ruh dan akhlaq manusia dan akhirnya ia mempunyai hubungan yang amat rapat dengan Tasawwuf.

Di samping itu, beliau telah mendatangkan definisi yang lengkap tentang sastera Islam. Beliau juga telah menggariskan matlamat yang disebut sebagai “Falsafah Sastera Islam” dalam satu seminar: Falsafah Sastera Islam kita ialah keyakinan dan pegangan kita, yang disertakan dengan perjuangan dan penghayatan yang berterusan. Sastera islam juga menampilkan sastera yang benar dan bermakna berdasarkan faham alam, faham ilmu dan faham nilai kita dalam Islam dan tradisinya, yang di dalamnya kita zahirkan semua potensi potensi rohani, intelektual, moral dan jasmani kita, dalam membina peradaban dari budaya kita melalui sastera, serta kita mampu mempertahankan jati diri

sastera dan budaya demikian dalam arus globalisasi dunia. Bahkan kita bukan hanya mampu mempertahankan jati diri sastera dan budaya demikian dalam proses globalisasi itu tetapi kita mampu menentukan arus globalisasi itu dalam hubungan dengan bangsa bangsa di dunia<sup>37</sup>.

## **BIBLIOGRAFI**

Al Quran al-Karim

Abdul al-Mun'im al Hiffni, 1980, Muajam al-Mustalahat al-Sufiah (B.Arab), Dar al\_Masiirah: Beirut.

Mohd Uthman el Muhammady, 1976, Peradaban dalam Islam, Pustaka Aman Press: Kota Bharu.

Mohd Uthman el Muhammady, 1977, Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan, Pustaka Aman Press: Kota Bharu.

Mohd Uthman el Muhammady, 26-28 Sept 2000, Konsep Sastera Islam dalam Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapannya, Putrajaya.

Mohd Uthman el Muhammady, 1984, Sastera dan Agama: Satu Ulasan, *dalam*: Ismail Hussein, Sastera dan Agama, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mustafa Haji Daud, 1994, Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.

Shahnon Ahmad, 1991, Nilai Imaginasi Menurut Islam, dalam Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

---

<sup>37</sup> Mohd Uthman el Muhammady, 26-28 Sept 2000, *passim*, pp1-2.

